

# Ibu stress, anak tercicir?

?

**SAYA** guru pendidikan khas di sebuah sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan menjadi ibu tunggal selepas berpisah dengan suami empat tahun lalu. Saya ada anak perempuan berusia enam tahun. Dia berusia setahun ketika saya dan suami berpisah. Dia mula bersekolah pada usia lima tahun, tetapi selain mampu menghafal lagu dan surah pendek, anak saya mengalami pelbagai masalah seperti lambat menulis, gagal siapkan kerja sekolah dan sering mengantuk biarpun tidur awal. Gurunya juga mendakwa anak saya tidak pandai berdikari dan seolah-olah dalam keadaan keliru. Untuk pengetahuan doktor, pada cuti sekolah tahun lalu, bekas suami mengambilnya tanpa kebenaran saya dan memasukkannya ke sebuah sekolah. Tetapi selepas berdepan masalah anak, bekas suami mahu menyerahkan anak itu kembali kepada saya. Apakah keadaan anak saya ini disebabkan tekanan yang saya alami sewaktu hamil dulu gara-gara sikap bekas suami? Apakah yang harus saya lakukan?

Ibu Keliru



Bersama  
**Dr Mastura Badzis**

**I**BU Keliru, memang tidak dapat dinafikan, banyak hasil kajian ilmiah membuktikan tekanan emosi semasa hamil memberi kesan kepada sikap dan sah-siah anak-anak terutama ketika mereka di peringkat prasekolah dan sekolah rendah. Ini termasuk anak berasa bimbang atau gelisah, kurang daya tumpuan, panas baran, agresif dan terlalu aktif. Namun, tekanan yang puan alami ketika itu pastinya berkurangan apabila mendapat sokongan emosi dan moral ahli keluarga dan sahabat handai yang memahami.

Dalam situasi sekarang, faktor utama yang boleh membantu mengurangkan kesan tekanan semasa mengandung kepada anak ialah dengan memantau dan mengawasi setiap aspek dan setiap peringkat perkembangannya terutama dari segi memahami dan memenuhi keperluan emosinya. Jika kita membuka lipatan sirih, Rasulullah SAW, seorang yang amat peka dengan perasaan dan jiwa anak-anak walaupun pada perkara yang kita mungkin menganggapnya sebagai remeh. Pernah suatu ketika, adik kepada Anas bin Malik r.a. yang dipanggil dengan gelaran manjanya 'Abu Umair' berasa sugul dan sedih hanya kerana per-

mainan burung yang disukainya, pecah. Rasulullah SAW pergi mendapatkannya, memujuknya dan menenangkannya dengan kata-kata lembut dan penuh kasih sayang. Baginda amat menjiwai hati anak kecil yang baru mengenali erti kehidupan.

Berdikari atau kemahiran bantu diri seperti yang puan persoalankan membabitkan tahap kesediaan anak dari aspek fizikal, sosio-emosi dan juga kognitif. Proses pembelajaran adalah lebih penting, bukannya hasil pembelajaran yang perlu dicapai. Sebagai contoh, anak puan tidak boleh makan sendiri dengan sempurna sekiranya beliau belum boleh menyelaraskan matanya dengan tangan yang menyuap makanan ke mulut. Kemahiran makan itu sendiri membabitkan koordinasi mata-tangan ini, hanya akan diperoleh bila si anak melalui proses makan, berterabur berkali-kali. Apabila dia akhirnya berjaya menyuap makanannya sendiri ke dalam mulut tanpa tumpah, anak akan mencapai efikasi kendiri iaitu "saya boleh buat sendiri!" dan dia akan yakin dengan keupayaan dirinya (aspek sosio-emosi).

Kesediaan dari segi kognitif boleh dilihat sebagai contoh, bila beliau tidak lagi memasukkan air ke dalam mulut menggunakan jari (boleh membezakan antara makanan pejal dan cecair) dan tidak lagi memasukkan objek bukan makanan ke dalam mulut (boleh membezakan objek

Benarkah tekanan ketika hamil punca anak alami masalah pembelajaran

makanan dan bukan makanan). Selain itu, berdikari juga memerlukan tunjuk ajar atau contoh teladan yang boleh diikuti. Sebagai contoh, jika puan mahu anak mengemas semula barangnya yang sudah digunakan, puan perlu menunjukkan kepadanya cara mengemas dan dilakukan secara bersama-sama, bukan mengarahkannya untuk mengemas.

Faktor persekitaran turut memainkan peranan bagi menggalakkan anak berdikari. Sebagai contoh, seorang anak yang diminta memakai sendiri kasutnya akan menghadapi kesukaran jika terpaksa melakukannya sambil berdiri atau duduk di lantai kerana ketiadaan bangku yang bersesuaian untuk duduk dan memakai kasutnya.

Meneliti kepada persoalan menulis lambat, ia ada kaitan dengan perkembangan fizikal kanak-kanak iaitu deria lihat, kemahiran motor halus dan koordinasi mata dan tangan. Pertama, puan perlu memastikan anak puan tidak mempunyai masalah penglihatan contohnya rabun. Kedua, puan perlu mengenal pasti sudah berapa lamakah anak puan diberi pendedahan menconteng, melakar, melukis dan sebagainya. Kemahiran menulis atau kemahiran manipulatif adalah kombinasi kemahiran mencapai, menggendang, mencubit dan melepaskan objek.

Untuk membolehkan seseorang kanak-kanak itu menguasai kemahiran menulis, ia perlu melalui beberapa proses dan 'latihan' tidak formal melalui bermain sejak usianya masih kecil lagi. Jika seseorang kanak-kanak itu tidak pernah diberi peluang melalui 'latihan' atau menerokai permainan atau pengalaman seperti yang dinyatakan di atas, tetapi terus disuruh menulis secara formal bila masuk prasekolah, memang amat sukar untuk dia menguasai kemahiran itu.

## INFO

### Strategi membantu anak-anak prasekolah menguasai kemahiran menulis

- Beri peluang anak menyertai aktiviti di dapur seperti memotong sayur, meramas tepung dan menguli doh, menggunting dan sebagainya bagi menggalakkan perkembangan kemahiran manipulatif
- Membuka dan menutup tudung botol
- Mengutip kismis atau nasi yang tumpah menggunakan dua jari
- Mengoyak kertas kepada cebisan kecil untuk menguatkan otot jarinya
- Menyapu sampah dan memasukkannya ke dalam pengaut
- Sediakan peralatan menulis seperti pensil, krayon, berus warna pelbagai jenis dan saiz yang berbeza cara memegang dan menggendang
- Tunjukkan kepadanya cara betul memegang atau menggunakan apa-apa peralatan manipulatif
- Jangan lupa untuk memuji usaha gigih yang dilakukannya jika puan dapat sukar untuk dia buat sesuatu 'latihan' yang diberi.

Selain itu, memetik dari buku penulisan Umansky dan Hooper yang diterbitkan oleh Pearson Education pada 2004, latihan berikut boleh dilakukan bagi membantu meningkatkan penguasaan kemahiran motor halus anak (gunakan sebelah tangan saja):

- Kutip beberapa keping duit syiling (satu demi satu) menggunakan dua jari dan dihalakan ke tapak tangan
- Tekan duit syiling di tapak tangan menggunakan ibu jari sambil membengkok dan memusingkan gelang tangan
- Memotong sesuatu menggunakan gunting dalam keadaan ibu jari dan lengan dihalakan ke lantai.

Insya Allah jika anak puan mempunyai keyakinan diri yang tinggi, gembira dan berminat dengan apa yang dilakukannya, rasa mengantuk dan bosan akan hilang dengan sendirinya. Pada usia enam tahun, jika beliau masih sedikit keliru dalam membezakan dua huruf yang hampir sama bentuk seperti b/d, p/g, q/g; puan tidak perlu risau kerana ini adalah perkembangan normal kanak-kanak seusianya. Bantulah anak dengan memperbanyakkan permainan atau aktiviti menggunakan pensil dan kertas seperti titik-ke-titik, menyambung bentuk yang terpisah (seperti puzzle), melukis dengan meniru gambar atau bentuk yang sedia ada dan menepak gambar bentuk objek.

GAMBAR HIASAN



► Ibu perlu sabar dalam membimbing anak.

ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bnhita@bharian.com.my](mailto:bnhita@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.